

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

1. Berdasarkan pengertian sejarah di bawah.

- Sejarah merujuk kepada apa-apa yang pernah atau sudah berlaku.
- Sejarah ialah ibu kepada semua bidang.

Siapakah tokoh sejarawan yang boleh dikaitkan dengan pernyataan tersebut?

- A** E.H Carr
B Ibn Khaldun
C Khoo Kay Kim
D Muhd Yusof Ibrahim
2. Maksud sejarah dalam bahasa Inggeris ialah *history* yang bererti cerita tentang seseorang.
Dari manakah perkataan ini berasal?
A Rom
B Mesir
C Yunani
D Indonesia
3. Masa silam merupakan peristiwa yang telah berlaku.
Bagaimanakah masa silam dikaji?
A Kronologi
B Ruang masa
C Jumlah masa
D Kekerapan berlaku

4. Apakah maksud Zaman Masihi berdasarkan konsep masa?

- A** Zaman Khalifah
B Bermula selepas sebelum Nabi Isa a.s.
C Bermula dengan kelahiran Nabi Isa a.s.
D Bermula semasa era Kesultanan Melayu Melaka

5. Antara berikut yang manakah merupakan contoh sumber primer?

- A** Buku
B Jurnal
C Risalah
D Dokumen rasmi

6. Berdasarkan kaedah bertulis di Asia Tenggara, tulisan tertua dikesan melalui cara berikut **kecuali**

- A** kulit harimau
B daun lontar
C dinding gua
D ditulis pada kayu

7. Apakah maksud ahli Epigrafi yang membantu sejarawan mentafsir sumber maklumat sejarah yang diperoleh?

- A** Menganalisis data yang diperoleh
B Mengkaji dan analisis tulisan kuno
C Menyusun bibliografi dan statistik
D Mempelajari tulisan yang terdapat pada tugu dan bangunan

8. Rajah berikut menunjukkan tiga tahap kaedah lisan.



Apakah tahap X?

- A Ekskavasi
 - B Pertemuan
 - C Rakaman temu bual
 - D Pemerhatian peristiwa
9. Antara berikut yang manakah bukan proses yang terlibat dalam kaedah lisan?
- A Menentukan tokoh
 - B Menyimpan rakaman
 - C Membuat senarai dan menyalin
 - D Menilai fakta dengan sumber bertulis
10. Apakah tujuan grid ekskavasi dilakukan oleh ahli arkeologi?
- A Memastikan hasil penemuan tidak hilang
 - B Mencatat jarak antara kawasan penemuan
 - C Merekod lokasi hasil penemuan dengan tepat
 - D Menyedut mendapan yang menutup hasil penemuan
11. Pernyataan berikut merujuk kepada kaedah arkeologi.

Usaha-usaha memelihara dan memulihara tapak arkeologi telah dijalankan oleh beberapa pihak yang bertanggungjawab.

- Apakah pengiktirafan yang telah diperoleh daripada usaha tersebut?
- A Arkib Negara
 - B Muzium Negara
 - C Dewan Bahasa dan Pustaka
 - D Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu

12. Mengapakah wujud perbezaan tafsiran dalam sejarah?

- A Perbezaan jantina
- B Perbezaan ideologi
- C Pandangan yang sama
- D Kemahuan yang berbeza

13. Antara berikut yang manakah merupakan kepentingan tafsiran dalam sejarah?

- I Menggunakan pelbagai sumber dalam penulisan
- II Menentukan hasil kajian
- III Menentukan objektif dan hasil sumber
- IV Mendorong pemikiran terbuka dan kritis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14. Gambar berikut menunjukkan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.



Apakah yang boleh dikaitkan dengan gambar tersebut?

- A Pemikiran sejarah
- B Pengenalan asal usul
- C Pembangunan bangsa dan negara
- D Semangat patriotisme dan perpaduan

15. Apakah kepentingan dalam mempelajari sejarah?

- A Mendorong pemikiran terbuka
- B Meningkatkan tamadun masyarakat
- C Membangunkan negara dan bangsa
- D Mendorong perpecahan kaum